

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

SOALAN

YB TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah kerugian sektor pelancongan akibat wabak COVID-19 termasuk hotel yang terpaksa ditutup dan apakah rancangan Kementerian untuk menyelamatkan sektor pelancongan pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar kepada industri pelancongan di seluruh dunia. Bagi Malaysia, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang telah dirancang terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu.
2. Susulan pandemik ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganggarkan kerugian melebihi RM100 bilion bagi industri pelancongan pada tahun 2020 akibat kehilangan perbelanjaan pelancong terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman. Pelaksanaan perintah kawalan di beberapa lokasi berikutan gelombang ketiga penularan COVID-19 yang melanda negara ketika ini juga akan memberi kesan yang lebih buruk.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), statistik entiti perniagaan bagi pelancongan dan perhotelan yang telah menamatkan perniagaan dalam tempoh bulan Mac hingga Oktober 2020 adalah seperti di bawah. Data ini tidak memaklumkan alasan penamatan perniagaan dan juga maklumat lain seperti tarikh mula kes penggulungan difailkan di mahkamah.

- (i) Sebanyak 77 buah syarikat dengan kod 55101 hingga 55109 iaitu *hotels and resort hotels, motels, apartment hotels, chalets, rest house/guest house, bed and breakfast units, hostels, home stay and other short term accomodation activities* telah menamatkan perniagaan;
- (ii) Manakala penggulungan oleh mahkamah dan penggulungan secara sukarela untuk syarikat dengan kod yang sama adalah sebanyak 32 buah syarikat;

4. Sehubungan itu, dalam usaha untuk membantu industri pelancongan negara untuk bankit semula, MOTAC telah merangka dan melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan, antaranya melalui strategi-strategi berikut:

- (i) memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong di mana komuniti pelancongan perlu mengamalkan pembudayaan baru dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan sebagai norma baharu aktiviti pelancongan di Malaysia;
- (ii) merancang semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang lebih kreatif dan menarik melalui platform digital serta memperkenalkan dan mempromosikan keunikan destinasi pelancongan di luar bandar atau *hidden gems* kerana pelancong kini lebih cenderung memilih destinasi yang selamat, kurang orang dan udara segar;

- (iii) meningkatkan standard dan kualiti perkhidmatan dan produk-produk pelancongan dan kebudayaan terutamanya dari segi kebersihan dan keselamatan selaras dengan SOP pengoperasian yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di tempat-tempat tarikan pelancong utama;
- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi untuk perjalanan yang selamat, lancar dan tanpa sentuhan seperti pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*), tempahan dalam talian (*online booking*), transaksi tanpa sentuhan (*contactless transaction*) dan daftar masuk tanpa sentuhan;
- (v) memperkukuhkan kerjasama awam-swasta (*public-private partnerships*) terutamanya dalam mencipta semula produk pelancongan, seni dan budaya untuk menjadi lebih menarik dan inovatif; dan
- (vi) *reskilling* dan *upskilling* bagi meningkatkan kualiti dan kredibiliti profesion dengan adaptasi kepada budaya dan norma baharu.

5. Di samping itu, sebagai kesinambungan kepada kebenaran rentas negeri dan daerah baru-baru ini, MOTAC akan terus berusaha untuk menyemarakkan pelancongan domestik negara. Antaranya termasuklah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan di bawah Belanjawan 2021 bagi Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang merangkumi pelbagai inisiatif menarik kepada rakyat, seperti baucar penginapan, diskaun destinasi pelancongan, diskaun percutian keluarga, penyemarakkan seni budaya, kempen '*Meet in Malaysia*', diskaun pakej petugas barisan hadapan, potongan diskaun beli-belah serta diskaun pengangkutan. Inisiatif ini diyakini dapat merangsang dan menyuntik perbelanjaan domestik secara konsisten dan seterusnya mewujudkan kesan gandaan ekonomi khususnya yang berantaian dengan sektor pelancongan, seni dan budaya.

Sekian, terima kasih.